

Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun

Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris¹
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Makalah ini terhasil daripada kajian bahasa dari sudut fungsionalnya, lantas dianalisis fungsi bahasa menerusi data pantun tradisi dalam teks kajian, iaitu Kumpulan Pantun Melayu (1983). Analisis ini amat berkait rapat dengan pembuktian Teori Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2007) yang umumnya memperlihatkan hubungan erat antara bahasa dengan pemikiran penuturnya. Teori ini mengetengahkan tiga prinsip asas bagi memastikan fungsi bahasa dimanfaatkan secara maksimum. Pertama, keperluan berbahasa menurut nahu bahasa yang betul; kedua, keperluan berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang betul dan benar; dan ketiga, kewajaran berbahasa untuk tujuan ibadah. Berdasarkan aplikasi teori ini, nilai kebijaksanaan Melayu dalam pantun dibuktikan secara analisis kualitatif. Terdapat empat perkara asas dalam metodologi kajian ini, iaitu secara kajian kepustakaan, penganalisan teks, pentafsiran, dan pendeskripsian. Dapatan kajian membuktikan dengan jelas kehadiran nilai kebijaksanaan Melayu dalam hampir semua kegiatan hidup mereka. Hal ini dirakamkan dalam tujuh kategori nilai kebijaksanaan mereka, iaitu ketika mendidik; ketika menguji minda; ketika berinteraksi sesama pemantun; ketika berinteraksi dengan alam; ketika bekerja; ketika memimpin; ketika berubat; dan termasuk ketika berhibur. Turut dibuktikan adalah tingkat kebijaksanaan orang Melayu. Umumnya, individu yang memiliki tingkat kebijaksanaan yang lebih tinggi dianggap mempunyai kelebihan untuk mendapat sanjungan dan kedudukan lebih tinggi dalam masyarakatnya.

Kata kunci: bahasa, nilai, kebijaksanaan, Melayu, pantun

Abstract

This article is a product of the study of the functional aspects of a language, whereby an analysis of the functions of language was carried out through an examination of traditional Pantun from Kumpulan Pantun Melayu (1983). This analysis relates closely to the Philosophy of Language Theory (Mohd Rashid Md. Idris, 2007) that asserts to the close relationship between the language and its interlocutor's thoughts. This theory rests upon three underlying principles, in ensuring the language functions would be benefitted at its maximum. First, the need to use the language according

¹ Corresponding author : Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris, email : rashid@fbk.upsi.edu.my

to its grammar; second, the need to use the language to convey the correct message; and, third, to use the language to perform our duties accordingly. If these three principles are being followed, the process of using the language will be achieved well. According to its theoretical applications, the Malay Wisdom in Pantun can be proven through a qualitative analysis. The research methodology consists of literature review, text analysis, interpretation and description. The findings clearly show the presence of the Malay Wisdom in every aspects of the life studied, categorized as the following; in educating, in thought provocation scenarios, in interactions with other Pantun speakers, in interactions with nature, during work, in leading, during healing sessions and during entertainment. The research also found elements of Malay Wisdom levels. In general, the higher levels of wisdom an individual possesses, the more recognition is due to the individual and the higher status the individual will be accorded in society.

Keywords: language, values, wisdom, Malay, pantun

Pantunlah yang jelas sekali memperlihatkan kebijaksanaan (genius) dan kesempurnaan seni sastera bangsa Melayu. Pantun mengandungi jiwa, seni, kebijaksanaan, dan budi bahasa Melayu (Muhammad Haji Salleh, 1986: 3)

Pengenalan

Makalah ini terhasil daripada kajian bahasa dari sudut fungsionalnya, lantas dianalisis fungsi bahasa menerusi data pantun tradisi dalam teks kajian, iaitu *Kumpulan Pantun Melayu* (1983). Analisis ini amat berkait rapat dengan pembuktian Teori Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2007) yang umumnya memperlihatkan berhubung erat antara bahasa dengan pemikiran penuturnya.

Kerangka Teoretis dan Metodologi Kajian

Teori Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2007) telah menyetengahkan peri pentingnya para penutur khususnya dan pengguna bahasa amnya mengaplikasi tiga prinsip dalam memastikan fungsi bahasa dimanfaatkan secara maksimum. Pertama, perlunya kita berbahasa menurut nahu bahasa tersebut supaya maksud yang hendak disampaikan dapat mencapai objektifnya. Kedua, perlu juga kita berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar. Ketiga, wajar sekali kita berbahasa untuk tujuan ibadah atau mentauhidkan Allah. Dengan demikian, kita telah melakukan yang terbaik dalam proses berbahasa sama ada dalam konteks hubungan sesama manusia mahupun hubungan dengan Allah.

Dengan aplikasi Teori Falsafah Bahasa, maka nilai kebijaksanaan orang Melayu dalam pantun akan dibuktikan secara analisis kualitatif. Terdapat empat perkara asas dalam metodologi kajian ini, iaitu:

- i. kajian kepustakaan,
- ii. penganalisan teks,
- iii. pentafsiran, dan
- iv. pendeskripsian.

Perbincangan metodologi kajian adalah merangkumi aspek-aspek kaedah persampelan data kajian dan kaedah penganalisan data kajian. Kajian yang dijalankan ini merupakan penyelidikan deskriptif (Mohd Majid Konting 1990: 96 dan Supranto J. 1986: 30-31) yang bertujuan untuk menghuraikan dapatan kajian tentang aspek nilai kebijaksanaan orang Melayu dalam pantun yang dianalisis secara kualitatif. Pendekatan kajian teks adalah asas kepada perbincangan ini. Sebelum dibicarakan tentang kaedah persampelan data kajian, difikirkan wajar dijelaskan serba ringkas tentang teks yang dipilih.

Teks yang terpilih ialah *Kumpulan Pantun Melayu* (Zainal Abidin Bakar, 1983). Pantun-pantun yang termuat dalam teks ini diusahakan oleh penyusunnya adalah atas kesedaran bahawa genre ini masih berkembang dan berfungsi dalam masyarakatnya daripada dahulu sehingga sekarang. Di samping itu, terlihat ciri-ciri keunikan dan keistimewaan pada pantun Melayu tradisional lantaran pantun merupakan karya asli masyarakat Melayu tradisi yang masih kekal terpelihara. Oleh itu, pemilihannya akan dapat menggambarkan pemikiran masyarakatnya yang sebenar.

Teks *Kumpulan Pantun Melayu* ini mengandungi 2,052 rangkap pantun yang meliputi 11 tema. Penyusunnya sendiri berpendapat bahawa pembahagian tema-tema tersebut adalah umum dan bukan mutlak sifatnya (Zainal Abidin Bakar 1983: 31). Tambahan pula, sesuatu pantun bukanlah tetap temanya kerana setiap pantun boleh memasuki beberapa tema sekaligus. Namun begitu, pembahagian mengikut tema inilah paling sesuai, logik dan rasional kerana sekurang-kurangnya kita dapat mengenali pemantun dengan lebih dekat lagi. Di samping itu, kita boleh mengenal adat dan undang-undangnya, kepercayaan dan agamanya, nasihat dan pendidikannya, budi dan bahasanya, serta dapat melihat cara kasih sayang mereka.

Teks ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1983 (cetakan pertama) setebal 378 halaman. Pemilihan tersebut dibuat kerana teks ini berbeza dengan teks-teks yang lain, iaitu pantun-pantun dalam teks ini telah dipermudahkan susunannya mengikut tema-tema tertentu. Tema-tema tersebut jelas menunjukkan rangkuman kepelbagaian bidang dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat Melayu. Hal ini sekaligus dapat menggambarkan budaya mereka termasuklah nilai, akal budi dan pemikiran masyarakat tersebut. Kesemua pantun yang ada dalam bahagian kedua teks ini dicatat tanpa dihuraikan maksud yang terdapat dalam pantun-

pantun tersebut. Oleh itu, pengkaji perlu meneliti pantun-pantun tersebut dan mengkategorikan sampel-sampel data mengikut aspek-aspek yang dikaji atau dianalisis.

Kaedah persampelan data kajian dilakukan dalam bentuk analisis kualitatif untuk kajian ringkas ini. Kaedah ini diaplikasikan dengan cara memilih sampel-sampel data yang bersesuaian dengan aspek yang dikaji. Setelah sampel-sampel itu diperolehi, maka sampel-sampel tersebut digunakan dalam analisis untuk membuktikan kehadiran sesuatu nilai kebijaksanaan yang dikaji. Jumlah sebenar sampel yang ada dalam teks bukanlah menjadi keutamaan kerana yang ingin diketengahkan adalah pembuktiannya menerusi sampel-sampel data yang dikaji.

Kaedah penganalisan data untuk kajian ini hanya melibatkan kaedah analisis kuantitatif. Analisis membawa maksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya, dll) secara terperinci atau mendalam (*Kamus Dewan Edisi Ketiga* 1998: 41). Analisis kualitatif memberi makna penghuraian berdasarkan kualiti, berkaitan dengan kualiti atau mutu (*Kamus Dewan Edisi Ketiga* 1998: 714). Dari segi aplikasinya, kaedah analisis kualitatif mengutamakan sampel-sampel data yang berkualiti yang sepadan dengan aspek yang dibicarakan dalam perbincangan. Kaedah analisis ini paling sesuai dengan tajuk kajian ini yang berunsurkan nilai dan falsafah serta bersifat abstrak.

Konsep Nilai Kebijaksanaan

Dalam masyarakat Melayu, nilai ialah standard yang diguna pakai untuk mempertimbangkan ukuran sesuatu benda atau perkara, dan perbuatan atau tingkah laku sama ada benar, baik, berguna, dan diinginkan, ataupun sebaliknya iaitu palsu, buruk, tidak diinginkan, dan tidak berguna. Akhlak pula mencakupi segala perbuatan dan tingkah laku yang baik, dan bertujuan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah selaku Pencipta segala makhluk. Kehidupan masyarakat Melayu amat menitikberatkan soal akhlak kerana ia memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembentukan peribadi individu muslim, mukmin, dan muhsin. Sehubungan itu, akhlak ialah kelakuan bermoral yang merangkumi nilai-nilai murni seperti merendah diri, benar, belas kasih, hati suci, cintakan kedamaian, tabah menghadapi dugaan, melaksanakan kerja yang baik, berdikari, berhemah tinggi, hormat menghormati, adil dan saksama, bebas, berani, bersih fizikal dan mental, jujur, rajin, bekerjasama, kesederhanaan, syukur atau berterima kasih, mengenang budi, semangat kemasyarakatan, dan sebagainya.

Persoalan kebijaksanaan dan kepandaian masyarakat Melayu merujuk kepada kemampuan dan kebolehan mereka menggunakan akal dan fikiran yang dianugerahkan oleh Allah. Ketajaman akal dalam mengharungi dan menyelesaikan persoalan-persoalan hidup ditentukan oleh banyak faktor

seperti pendidikan, pengalaman dan kepercayaan agama. Akal menjadi penyuluh kepada kebijaksanaan seseorang individu itu. Cerah akalnya akan membantu individu itu menyelesaikan semua persoalan hidup dengan bijaksana untuk memperoleh keuntungan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ringkasnya, tiga komponen utama yang menentukan ukuran kebijaksanaan, iaitu ilmu pengetahuan, pandangan alam semesta dan nilai, serta akhlak mereka. Ketiga-tiga komponen itu diadun untuk mendasari budi bahasa, budi pekerti, budi bicara, hati budi, dan akal budi bagi melahirkan manusia budiman.

Pendefinisian terhadap kebijaksanaan dapat diperhatikan daripada dua sudut pandangan, iaitu pandangan Barat, pandangan Islam dan pandangan Melayu. Berdasarkan kaca mata Barat, kebijaksanaan bertempat di otak manusia yang merupakan keupayaan berfikir dan menyedari sesuatu perkara, keupayaan menaakul, berdalil, dan berhujah untuk membuat kesimpulan, juga sebagai hasil daripada pemikiran itu ketika membuat sesuatu keputusan.

Dalam kaca mata Islam pula, khususnya pandangan al-Ghazali, kebijaksanaan ialah satu persoalan roh yang mengandungi tiga aspek, iaitu (i) akal ialah aspek roh yang melakukan kerja menyerap segala kefahaman dan pengertian daripada semua fenomena alam persekitaran masyarakatnya, (ii) jiwa ialah aspek roh yang mengawal dan mendorong diri manusia sama ada membawa kepada kebaikan ataupun kejahatan, dan (iii) kalbu ialah aspek roh yang menerima cahaya taufik Allah untuk membezakan antara yang baik dan jahat. Pandangan para sarjana Barat sama sekali tidak mengiktiraf adanya kalbu, maka tentunya tiada tempat bagi cahaya ilham dan taufik yang membawa kepada ilmu mengenal Tuhan (*makrifatullah*). Perkara yang ada ialah kebijaksanaan atau akal untuk mengkaji dan mentafsir fenomena alam persekitaran fizikalnya (fahaman sekularisme). Dalam Islam, pemahaman oleh akal terhadap alam persekitarannya akan membawa kepada pemahaman oleh kalbu tentang kewujudan dan kekuasaan Allah sebagai Pencipta (Hashim Haji Musa, 2002). Bagi masyarakat Melayu, perbincangan tentang kebijaksanaan perlulah dilihat dalam bentuk gabungan tiga aspek, iaitu akal, jiwa, dan kalbu yang tidak boleh dipisahkan, bahkan saling bertindihan dan berkesinambungan. Keadaan ini dapat mengawal diri kita agar tidak mudah terperangkap dan terpesong dengan fahaman sekularisme. Kesepaduan semua elemen tersebut membolehkan orang Melayu melihat individu yang bijaksana sebagai manusia budiman.

Analisis Kualitatif Nilai Kebijaksanaan Melayu

Secara tersiratnya, perbincangan ini dilakukan untuk menyangkal pendapat sesetengah pihak yang mengatakan pantun Melayu sebagai sesuatu yang kurang bernilai, statik, lapuk, dan ketinggalan zaman. Sebenarnya, mereka terlupa atau mungkin juga dangkal bahawa pantun Melayu merupakan warisan leluhur kita, yang lahir daripada daya kreatif, berdasarkan kebijaksanaan, dan pengalaman orang tua-tua. Perkara yang berlaku sebenarnya jelas

memperlihatkan warna dan suasana masyarakat Melayu yang dilatari oleh kekayaan alam semula jadinya, iaitu alam Melayu melalui penciptaan atau pengubahan pantun Melayu itu sendiri. Oleh itu, kita dapati bahawa pantun amat dihargai dan digemari oleh masyarakat Melayu sejak dahulu hingga kini seperti tergambar dalam pantun-pantun berikut:

Tun Fatimah wanita jelita,
Zamannya timbul dondang sayang;
Pantun Melayu persuratan kita,
Ciptaan dari nenek moyang. (KPMe 79: 53)

Terbang burung dari Selatan,
Dipuput angin sangga bayu;
Bukalah surat dari lipatan,
Lihatlah pantun bahasa Melayu. (KPMe 27: 46)

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa. (KPMe 264: 79)

Pantun merupakan salah satu karya penting dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu tradisional yang kelahirannya amat dipengaruhi oleh persekitaran masyarakat Melayu. Lantas, cara hidup masyarakat Melayu termasuk keupayaan kebijaksanaannya yang diadun dalam bentuk puisi. Dalam masyarakat Melayu tradisi, hampir semua kegiatan masyarakat Melayu dipuisikan dan hal ini menggambarkan hidup masyarakat tersebut bertunggakkan puisi, kesan daripada sistem nilai yang halus dan berseni dalam masyarakat. Pengungkapan pantun secara berirama dan mengasyikkan ialah hasil daripada bentuk rima tengah dan akhir yang tersusun. Irama pantun pula diadun dengan kata-kata yang bersahaja dan ringkas, tetapi sarat dengan mesej untuk pelbagai tujuan dan kumpulan sasaran. Justeru, pantun direfleksikan sebagai tatacara hidup dalam masyarakat dan secara langsung dapat menggambarkan nilai kebijaksanaan mereka dalam menguruskan soal hidup agar lebih bermakna seperti dalam perbincangan selanjutnya.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Mendidik

Sebagai suri rumah, seorang ibu yang ingin menidurkan anaknya biasanya akan mendendangkan lagu-lagu yang seni katanya berbentuk puisi yang tersusun dan didendangkan dengan menarik sekali. Seseorang ibu yang mendendangkan lagu bukanlah lantaran disuruh, tetapi lahir secara semula jadi hasil daripada proses sosialisasi. Motif lagu yang mengandungi puisi, terutamanya pantun dan syair bukan sekadar indah lirik dan iramanya, tetapi turut mempunyai unsur-unsur pendidikan (didaktik) untuk dihayati oleh anak kecil itu secara beransur-ansur. Keindahan lagu-lagu puisi yang didendangkan oleh si ibu mengikut rentaknya seiring dengan ayunan buaian mampu melenakan kanak-kanak. Perkara yang jelas, kanak-kanak itu

bukan sahaja dibuai oleh buaian semata-mata, tetapi ia juga dibuai dengan dendangan lagu si ibu yang melenakan. Situasi ini amat serasi dan disenangi oleh kedua-duanya, iaitu si ibu dan si anak seperti yang terakam dalam beberapa rangkap pantun di bawah:

Buai laju-laju,
Sampai balik sana;
Apa dalam baju,
Kuntum bunga sena. (KPMc 390: 95)

Buai tinggi-tinggi,
Sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi,
Pandai baca kitab.

Dalam hal pendidikan yang berteraskan proses sosialisasi, keadaan hidup masyarakat Melayu yang amat bergantung kepada puisi terutamanya pantun menggambarkan masyarakatnya yang bersopan santun dan berperilaku mulia. Sesuatu perkara yang sensitif dalam masyarakat tidak akan disampaikan secara langsung kerana ditakuti akan mencetuskan pergaduhan, maka penyampaiannya dikiaskan dalam bentuk pantun agar ujaran itu selesai didengar oleh audiens, tetapi dalam masa yang sama mesejnya dapat disampaikan secara terancang dan difahami oleh pendengarnya. Hal ini memperlihatkan daya kebijaksanaan masyarakat pada waktu itu adalah amat tinggi melalui pemikiran yang mendalam dan teratur sebelum melakukan sesuatu perkara yang dipertimbangkan dahulu melalui akal agar pihak yang mendengar tidak tersinggung atau berasa hati.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Menguji Minda

Tradisi berpantun yang diamalkan sejak zaman nenek moyang juga tidak lari daripada berperanan sebagai alat dan medium untuk menguji minda. Kebijaksanaan orang dahulu kala menggunakan medium pantun untuk dijadikan sebagai alat menguji kebijaksanaan dapat dilihat pada pantun teka teki. Jumlah pantun teka teki dikatakan agak terhad jika dibandingkan dalam bentuk prosa, ungkapan-ungkapan bersajak atau dalam bentuk syair (Harun Mat Piah, 1989: 183). Pantun teka teki yang dihasil oleh tradisi Melayu sememangnya dicipta untuk menguji ketangkasan akal fikiran seseorang berdasarkan siratan makna setiap diksi yang digunakan. Sifat pantun teka teki yang menguji fikiran maka pantun teka teki cukup sinonim dan digemari oleh kanak-kanak. Ibu bapa dahulu kala menggunakan pantun jenis ini untuk menguji kepintaran anak mereka berdasarkan pantun.

Kalau tuan tombak rencana
Ambil gantang sukat pala
Kalau tuan bijak laksana
Apa binatang tiada kepala

Buah budi bedara mengkal
 Masak sebiji di tepi pantai
 Hilang budi bicara akal
 Buah apa tidak bertangkai

Bahasa dan struktur pantun teka-teki agak mudah dan sederhana serta lebih hampir kepada pantun kanak-kanak. Sifat yang terkandung pada pantun teka-teki yang memerlukan jawapan adalah merupakan satu daripada alat untuk menggerakkan cara berfikir secara spontan dan membina kemahiran berfikir dengan tepat. Teka-teki yang disampaikan kepada khalayak ramai ini akan menghadirkan suasana riang dan keadaan ini sekali gus dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara satu dengan yang lain. Bagi menjawab pantun teka-teki ini orang yang menjawab pantun ini akan diuji minda mereka untuk berfikir secara teliti dan melatih untuk tidak bersikap terburu-buru dalam memberi jawapan tersebut. Hal ini demikian kerana, pantun teka-teki dapat melatih orang yang diajukan pantun ini supaya dapat meneliti satu persatu pembayang dan makna yang tersirat di sebalik setiap diksi yang digunakan dalam pantun. Dengan cara ini, kemahiran minda pemantun dapat diuji berdasarkan kemahiran menjawab pantun yang diajukan.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Berinteraksi

Dalam alam percintaan, kehidupan golongan muda-mudi yang berkasih-kasih sering dihiasi dengan rangkap dialog seperti pantun kasih sayang. Pantun cinta yang indah-indah terucap dengan sendirinya oleh muda-mudi yang asyik dilamun cinta. Mereka pandai berpantun tanpa diajar, tetapi sebenarnya dididik oleh persekitaran yang menjadikan pantun sebagai asam garam dalam kehidupan. Di sinilah terletaknya keistimewaan yang tidak dapat disaingi atau ditandingi oleh masyarakat Melayu mutakhir. Terlalu banyak pantun yang mengungkapkan tentang muda-mudi yang asyik bercinta, misalnya dalam pantun berikut sebagai ungkapan pertemuan dan permulaan cinta, pantun bagi ungkapan cinta yang berjaya, dan pantun untuk ungkapan cinta yang gagal.

Perahu baharu temberang pun baharu,
 Baharu sekali masuk Melaka;
 Abang baharu, adik pun baharu,
 Baharu sekali kenal biasa. (KPMc 1403: 237)

Perahu kecil jangan dibelok,
 Kalau dibelok patah tiangnya;
 Adik kecil jangan dipeluk,
 Kalau dipeluk patah pinggangnya. (KPMc 1596: 263)

Anak ikan dipanggang sahaja,
 Hendak dipandang tiada berkunyt;
 Anak orang dipandang sahaja,
 Hendak dipinang tiada berduit. (KPMc 1821: 295)

Sebelum menempuh alam berumah tangga, beberapa majlis perlu dilalui oleh muda-mudi seperti majlis merisik, peminangan, dan persandingan yang begitu banyak disulami oleh pantun. Dalam majlis peminangan misalnya, jurubicara bagi pihak yang meminang dan yang menerima pinangan itu biasanya dipilih daripada orang tua yang cekap berpuisi serta arif dalam soal adat. Tumpuan orang ramai biasanya kepada jurubicara ini dan segala kata yang terpacul daripada mulutnya mengandungi pantun yang indah tersusun. Kemudiannya, pada hari perkahwinan antara pengantin lelaki dan perempuan, pantun tetap memainkan peranannya sebagai sajian mulut. Kadangkala cara penyampaiannya menjadi pertaruhan dan kemegahan bagi setiap pihak. Jurubicara terus menjadi orang perantara untuk menghubungkan tali persaudaraan antara pihak pengantin lelaki dan perempuan. Beliau biasanya memegang peranan penting dalam upacara-upacara seterusnya dan turut mendapat penghormatan daripada masyarakat.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Berinteraksi dengan Alam

Masyarakat Melayu tradisi amat peka dan mesra dengan suasana persekitarannya, misalnya dengan melihat sesuatu objek di depan mata seperti gunung, pulau, burung, kerbau, dan pohon-pohon, maka diilhamkannya dalam rangkap-rangkap pantun yang indah. Alam seperti flora dan fauna mencetuskan imaginasi yang unik dalam pantun bagi menghiasi ruang pembayang (sampiran) untuk memberi gambaran kepada daya kebijaksanaan masyarakat waktu itu. Lihat pantun di bawah yang menggabungkan unsur alam dan budi sebagai rangkap pantun yang mantap.

Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat;
Sudah lama saya mencari,
Baru sekarang saya mendapat. (KPMc 1559: 258)

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Di balik Pulau Angsa Dua;
Hancurlah badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga. (KPMc 249: 77)

Nilai Kebijaksanaan Ketika Bekerja

Antara kegiatan popular untuk mencari nafkah bagi menyara keluarga ialah kegiatan bersawah padi. Masyarakat Melayu tradisi melakukan pekerjaan ini secara berpesta. Mereka bekerja secara bergotong-royong sehingga selesai padi di sawah dikerjakan. Selalunya kerja ini dilakukan oleh pihak perempuan dan sambil mereka bekerja, mereka akan menyanyikan lagu-lagu puisis yang disisipkan dengan pantun dan lagu-lagu itu amat menarik dan sayup-sayup kedengaran di hujung bendang. Hal ini sengaja dilakukan untuk mengurangkan rasa penat di samping menggambarkan suasana bergotong-royong. Perhatikan dalam pantun-pantun berikut:

Susu lemak manis,
Santan kelapa muda;
Adik jangan nangis,
Emak banyak kerja. (KPMe 378: 93)

Bunga raya bunga angšana,
Ketiga dengan bunga wilanda;
Perhamba dititah Raja Laksamana,
Membalas datuk empunya sabda. (KPMe 82: 53)

Nilai Kebijaksanaan Ketika Memimpin

Dalam aktiviti seharian, seseorang ketua kampung atau ketua masyarakat sering menyampaikan ucapan kepada anak-anak buahnya agar segala mesej dapat disampaikan dengan cepat, berkesan, dan dilaksanakan dengan segera. Ketika berucap beliau selalunya menyisipkan kata-kata berpuisi, khususnya pantun. Bagi memulakan ucapannya, beliau akan cuba menarik perhatian orang ramai dengan sekurang-kurangnya serangkap pantun empat kerat. Pada akhir ucapan, beliau akan menyelitkan serangkap atau dua rangkap pantun yang menggambarkan suasana pada waktu mengakhiri ucapan tersebut. Pantun-pantun yang paling popular dalam konteks ini adalah seperti berikut:

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan simpan di dalam peti;
Kalau ada silap sepatah,
Jangan disimpan di dalam hati. (KPMe 755: 145)

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh itik menumpang mandi;
Kalau ada berumur panjang,
Tahun hadapan bertemu lagi. (KPMe 1260: 216)

Pantun yang terucap dari mulut ke mulut setiap anggota masyarakat Melayu tradisi berupaya menggambarkan daya kebijaksanaan masyarakatnya. Mereka cekap menghafal atau mengingat sesuatu. Kadangkala, pantun lahir tanpa hafalan tetapi dicipta secara spontan. Hal ini cukup istimewa dan unik jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu moden. Pantun bukan sahaja dipraktikkan dalam upacara-upacara tertentu, tetapi mereka juga mengamalkannya ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Bercakap melalui pantun dapat menggambarkan kesopanan seseorang itu atau sifat hormatnya terhadap orang lain yang menjadi audiens.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Berubat

Jampi mentera amat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Jampi mantera banyak mengandungi kata-kata puisi termasuk pantun. Jampi tersebut dibaca sebagai ubat yang mujarab. Masyarakat Melayu tradisi amat mempercayai jampi mentera tanpa mempersoalkan ia dipengaruhi oleh unsur-unsur khurafat atau Hindu. Bagi mereka, jampi dan mentera

penting dalam menyembuhkan pelbagai penyakit sama ada penyakit fizikal mahupun spiritual. Ubat yang dijampi melalui kata-kata puisi itu selalunya dihembuskan kepada pesakit, dan kadang kala kepada air yang bakal diminum atau dimandinya. Pantun dalam amalan jampi serapah adalah seperti ini:

Tuku takal,
Muka pintu;
Orang nakal,
Memang begitu. (KPM_e 528: 113)

Si keduduk si kedidi,
Paku salah tiba di lembah;
Aku buruk aku dipuji,
Aku salah aku disembah.

Nilai Kebijaksanaan Ketika Berhibur

Dalam hal ini, tukang-tukang cerita pula seperti tok penglipur lara, tok selampit, dan tok dalang tidak ketinggalan menyisipkan sulaman-sulaman puisi yang indah termasuk pantun dalam menyampaikan cerita-ceritanya. Cerita-ceritanya menjadi lebih menarik dan boleh memukau audiens. Hal ini menjadikan penyampaiannya lebih teratur dan lebih berkesan. Dalam masyarakat Melayu tradisi, tukang-tukang cerita menjadi tumpuan dan kadang-kala beliau juga menjadi jurubicara masyarakatnya. Mereka juga biasanya dihormati dan mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan anggota masyarakatnya.

Nyanyian-nyanyian rakyat yang tercipta dalam masyarakat Melayu tradisi lazimnya diilhamkan melalui puisi. Oleh itu, kebanyakan lagu-lagu dalam masyarakat Melayu tradisi mengandungi rangkap-rangkap puisi yang tersusun rapi dan biasanya dalam bentuk pantun. Semuanya terhasil semata-mata untuk hiburan atau mengisi masa lapang setelah penat bekerja pada siang hari. Pantun-pantun juga disisipkan dalam nyanyian yang mengandungi mesej dan mesej yang popular tentunya persoalan budi dan adat. Pantun-pantun berikut adalah yang bermesejkan budi, misalnya tentang gambaran pentingnya budi dan pengabaian budi. Persoalan adat turut dirakamkan dalam pantun seterusnya.

Apa guna berkain batik,
Kalau tidak dengan sujinya;
Apa guna beristeri cantik,
Kalau tidak dengan budinya. (KPM_e 206: 72)

Bunga Cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang. (KPM_e 203: 71)

Lebat daun bunga tanjung,
 Berbau harum bunga cempaka;
 Adat dijaga pusaka dijunjung,
 Baru terpelihara adat pusaka. (KPMc 12:44)

Ringkasnya, nilai-nilai kebijaksanaan yang terakam secara tersurat atau tersirat dalam pantun dianggap “Tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas”. Walaupun masa beredar, pantun masih diingat sehingga ke hari ini kerana peranan yang dimainkan oleh pantun sebagai cerminan kehidupan masyarakat Melayu masih relevan. Sebarang halangan dan kekangan yang dihadapi oleh pantun Melayu pada hari ini tidak dapat menafikan peranannya yang cukup besar dalam mewarnai kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Inilah hakikatnya, bahawa pantun menjadi cerminan nilai kebijaksanaan dan budaya masyarakatnya.

Tingkat Nilai Kebijaksanaan Melayu

Selanjutnya, dikemukakan bahagian kedua yang membincangkan tingkat nilai kebijaksanaan Melayu-Islam zaman tradisi untuk melengkapkan kajian tentang topik ini. Umumnya, individu Melayu yang mempunyai tingkat nilai kebijaksanaan yang tinggi dianggap mempunyai kelebihan dan keistimewaan untuk melayakkannya menerima sanjungan, penghormatan, dan kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakatnya. Berdasarkan analisis, didapati terdapat tiga situasi yang jelas menggambarkan tingkat nilai kebijaksanaan pemantun pada zaman tradisi, iaitu situasi pemilihan pemimpin, pemilihan pekerjaan, dan pemilihan perkakasan seperti dalam perbincangan selanjutnya.

Pemilihan Pemimpin


Dalam masyarakat Melayu tradisi, individu yang mempunyai nilai kebijaksanaan yang tinggi lazimnya diangkat sebagai pemimpin. Daya kepemimpinan seseorang individu bermula pada peringkat diri sendiri, keluarga, masyarakat setempat, daerah, negeri, dan negara. Kemudian, lahirnya tatatingkat hierarki manusia melalui mobiliti sosialnya. Hal ini dapat diperhatikan melalui susun atur pentadbiran dalam masyarakat dan senario ini sering tergambar seperti dalam pantun berikut:

Inggeris mengerat kuku,
 Dikerat dengan pisau raut,
 Peraut betung tua-tuanya;
 Elok negeri keempat suku,
 Lebih suku berbuah perut,
 Tuah kampung ada tuanya. (KPMc 109: 57)

Mencampak sambil ke hulu,
 Kenalah pantau oleh jala,
 Diletak di dalam cupak,
 Dijerang dengan daun talas;

Luhak yang berpenghulu,
 Rantau yang beraja,
 Tegaknya tidak tersundak,
 Melenggang tidak terpampas. (KPMc 118: 59)

Dalam pantun di atas, susun atur (hierarki) masyarakat terlihat dalam pentadbiran di kampung, daerah (suku), dan negeri (rantau) yang mempunyai ketua (pemimpin) pada setiap peringkat, misalnya ketua kampung, penghulu, dan raja (P186). Terdapat beberapa kriteria tertentu untuk menentukan dan memilih pemimpin pada mana-mana peringkat pentadbiran. Misalnya, elok fizikal dan mental, pandai, dan baik budi seperti yang terakam dalam pantun di atas, iaitu “Pertama elok kedua pandai, dan ketiga baik bangsa penghulu”. Perkara yang sama juga ditekankan dalam pantun di atas, iaitu “Kalau tak tahu kata nan empat, belum pandai memerintah”. Selain itu, tingkat nilai kebijaksanaan yang dimiliki oleh individu atau pemimpin itu mampu menentukan kedudukannya dalam masyarakat seperti dalam maksud pantun di atas, iaitu “Penghulu banyak yang sakti, Tuanku banyak yang bertuah, dan Alim ulama banyak yang keramat”. Rumusnya, semakin tinggi kedudukan individu dalam masyarakat, maka semakin tinggi juga tingkat kebijaksanaan yang diperlukan bagi pengiktirafan tersebut dan ia dapat ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Tingkat Kebijaksanaan dalam Pentadbiran

Pemilihan Pekerjaan

Tingkat nilai kebijaksanaan juga dilihat dalam memilih atau mengurus pekerjaan. Sebarang pekerjaan yang dilakukan biasanya menghasilkan pendapatan kepada usahanya, namun jumlah hasil pendapatan terhadap pekerjaan yang dilakukan itu amat bergantung kepada tingkat nilai kebijaksanaannya sama ada pada tahap biasa, separuh mahir, ataupun mahir (pakar). Antara bidang pekerjaan yang dilakukan oleh anggota masyarakat Melayu tradisi untuk menyara kehidupan diri dan keluarga, ialah kegiatan bercucuk tanam (P77, P93, P96, P98, P107, P117, P122, P124, P151, dan

P180), bersawah bendang (P94, P97, P12, P109, dan P149), berhuma dan menjerat binatang (P148 dan P174), memburu binatang (P123 dan P162), tukang kayu (P81), dan nelayan (P108, P125, dan P128), serta berniaga dan berdagang (P119 dan P175) (Sila lihat buku *Kumpulan pantun Melayu*).

Lazimnya, semakin sukar dan kompleksnya pekerjaan yang dilakukan, maka semakin tinggi tingkat nilai kebijaksanaan yang diperlukan bagi melaksanakannya. Namun, perlu difahami setiap jenis pekerjaan yang dinyatakan memerlukan tingkat nilai kebijaksanaan yang berbeza kerana kemahiran yang diperlukan juga berbeza. Perhatikan sahaja kemahiran yang dimiliki oleh seorang pesawah dengan seorang nelayan, atau antara seorang tukang kayu dengan seorang pedagang, pastinya berbeza.

Pemilihan Perkakas

Tingkat nilai kebijaksanaan seseorang dalam masyarakat Melayu tradisi boleh ditentukan berdasarkan perkakas yang digunakan dalam sesuatu urusan atau pekerjaan. Penggunaan pelbagai perkakas tentunya berlaku dalam mana-mana budaya bangsa kerana dengan adanya perkakasan tersebut, maka keperluan kehidupan dapat disempurnakan. Dalam hal ini, tingkat nilai kebijaksanaan seseorang dapat diuji dan dibuktikan berdasarkan beberapa kriteria, antaranya cara beliau menggunakan sesuatu perkakas itu, jumlah perkakas yang digunakan, atau pada tahap yang lebih tinggi, perkakas itu mampu dicipta sendiri serta disesuaikan dengan perkembangan semasa.

Dalam pantun yang dianalisis (Sila lihat buku *Kumpulan pantun Melayu*), banyak kali digunakan kosa kata yang merujuk kepada perkakas tertentu sama ada dalam pembayang (sampiran) atau maksud pantun. Antaranya, “Kenalah pantau oleh jala, diletak di dalam cupak” (P193), “Dikerat dengan pisau raut” (P192), “Tempa kapak dengan beliung” (P191), “Raja Maluku meminjam kuda” (P181), “Kepayang tumbuh di dalam dulang” (P179), “Ada cincin berisi bunga” (P177), “Penakik pisau raut, ambil galah batang lintabung, seludang dijadikan nyiru” (P175), “Pisau sama di tangan” (P174), “Baju digunting kalau tak sudah” (P173), “Nobat berbunyi hari nak siang” (P171), “Adat sirih pulang pulang ke gagang” (P170), “Hanyut perian (bekas air daripada buluh) bertali rumin, penuh berisi gala-gala (damar), tuan sepantun kilat cermin” (P168), “Dalam belanga bertemu juga” (P167), “Paku jatuh patah dua” (P162), “Dicangkul dengan beladang” (P161), “Rumah gedang bersendi batu” (P160), “Tujuh kunci sembilan pasak” (P159), “Pasang jerat di hujung tanjung” (P158), “Keduduk di atas tikar” (P156), “Pisau raut pembelah rotan” (P154), “Buah delima di dalam cawan” (P148), “Pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas peti” (P143), “Gendang gendut tali kecapi” (P137), “Lain dulang lain kakinya” (P136), “Buah keranji dalam perahu” (P124), “Buah cempedak di luar pagar, ambil galah tolong jolokkan” (P123), “Sampai curur atap” (P122), “Cacak pancang di tengah arus” (P121), “Kalau ke hulu sama berakit” (P118), “Buah delima dalam pasu, pisau lipat baru diasah” (P117), “Apa guna berkain batik, kalau tidak dengan sujinya” (P111), “Hendak dibuat hulu cangkul” (P108), “Buat apa

kepek di ladang” (P107), “Bersubang disangka dara” (P106), “Carilah buluh kayu pemukul” (P105), “Keduduk dalam kual” (P98), “Kapal layar dipukul arus” (P94), “Hendak dulang kuberi dulang, dulang berisi sagu mentah” (P92), dan “Sampan sakat di Pulau Angsa” (P88).

Ringkasnya, penggunaan perkakas boleh dikategori berdasarkan jenis pekerjaan yang berkaitan. Para petani dan pesawah sering menggunakan perkakas seperti nyiru (P175), cangkul (P161 dan P108), peti (P143), pagar dan galah (P123), pasu dan pisau lipat (P117), kepek (P107), buluh (P105), kual (P98), dulang (P92), dan sampan (P88). Golongan nelayan biasanya menggunakan jala (P193), perian atau bekas air daripada buluh dan galah atau damar (P168), belanga (P167), perahu (P124), pancang (P121), dan rakit (P118). Peniaga atau pedagang pula mempunyai perkakas seperti cupak (P193), kapak dan beliung (P191), dulang (P179, P136 dan P92), cincin (P177), gunting (P173), nobat (P171), paku (P162), kunci dan pasak (P159), tikar (P156), cawan (P148), peti (P143), gendang (P137), perahu (P124), berkain batik (P111), subang (P106), dan kapal layar (P94).

Kesimpulan Dapatan Kajian

Dapatan kajian membuktikan dengan jelas kehadiran nilai kebijaksanaan orang Melayu dalam hampir semua kegiatan hidup mereka. Hal ini dirakamkan dalam tujuh kategori nilai kebijaksanaan mereka, iaitu ketika mendidik; ketika menguji minda; ketika berinteraksi sesama pemantun; ketika berinteraksi dengan alam; ketika bekerja; ketika memimpin; ketika berubat; dan termasuk ketika berhibur.

Turut dibuktikan adalah tingkat kebijaksanaan orang Melayu. Umumnya, individu yang memiliki tingkat kebijaksanaan yang lebih tinggi mengenai sesuatu perkara dianggap mempunyai kelebihan untuk melayakkannya mendapat sanjungan dan kedudukan lebih tinggi dalam masyarakatnya. Buktinya, pemimpin dipilih mengikut hierarkinya; penentu kepada bidang pekerjaan; serta penentu kepada perkakas yang digunakan dalam sesuatu pekerjaan.

Rujukan

- Ab. Razak Ab. Karim. “Pantun Melayu Lama: Analisis Penggunaan Kata dan Ayat” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, April 1996.
- Abdul Rahman Hj. Abd. Aziz. “Pantun: Cerminan Nilai Budaya Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Budaya*, Disember 1996.
- Abdullah Sidik. “Orang Melayu dengan Pantunnya” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Disember 1958.
- Altmann, Gabriel & Robert Stukovsky (1965). “The Climax in Malay Pantun” dlm. *Asian and African Studies*.
- Aripin Said, 1990. “Pantun: Pancaran Pemikiran Masyarakat Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Siswa*, April 1990.

- Asmah Hj. Omar (1988). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2007). *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran dalam Linguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Dailie, F.R. (1993). "Pantun Sebagai Gambaran Tamadun Melayu" dlm. *Tamadun Melayu*. Jilid Dua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah (1998). "Pantun Harus Ada Konsep Tertentu" dlm. *Berita Harian*, 13 Disember 1998.
- Harun Mat Piah. *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hashim Haji Musa (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai, dan Etika Melayu – Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris (2007). "Falsafah Bahasa: Nilai Melayu-Islam dalam Pantun". Tesis Ijazah Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Rashid Md Idris, Siti Khariah Mohd Zubir & Abdullah Yusof (2010). *Nilai Estetik dan Intelek dalam Pantun*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris, Siti Khariah Mohd Zubir & Mohd Rain Shaari (2010). *Pantun Moden*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris (2011). *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris (2012). *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (Ed.) (1996). *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Bakar (Peny.) (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan (2000). "Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri" dlm. Abdul Latif Abu Bakar & Othman Puteh (Ed.). *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email : rashid@fbk.upsi.edu.my